

Suruhanjaya Pentadbir Global perlu ditubuh - Raja Nazrin

KUALA LUMPUR 11 Julai - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah Sultan Azlan Shah hari ini bertitah supaya sebuah Suruhanjaya Pentadbir Global Abad Ke-21 ditubuhkan bagi menadbir urus isu-isu global masa kini terutama berkaitan keselamatan.

Titah baginda, suruhanjaya bebas itu perlu dianggotai ahli panel yang pakar dan akan mendapat sokongan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Beta percaya penubuhan suruhanjaya ini tepat pada masanya dan terbaik dilaksanakan bersama-sama

rakan yang dedikasi dan mempunyai pemikiran sama," titah baginda.

Baginda bertitah dalam syarahan bertajuk Cabaran Pentadbir Global dan Diplomasi Era Baru di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di sini.

Titah baginda, sebuah suruhanjaya yang sama pernah ditubuhkan pada 1992 dengan dipengerusikan bersama oleh bekas Setiausaha Agung Komanwel, Shridath Rampahal dan bekas Perdana Menteri Sweden, Ingvar Carlsson.

"Namun setelah dua dekad, sudah

tiba masanya satu lagi inisiatif sedemikian diwujudkan," titah baginda.

Baginda bertitah, jika ditubuhkan, suruhanjaya itu akan mengalas tanggungjawab yang berat dan perlu melaksanakan peranannya tanpa takut atau berat sebelah demi menjaga amanah yang telah diberikan.

"Suruhanjaya itu perlu menghasilkannya cadangan bagi menjadikan tadbir urus global abad ke-21 lebih jelas dan baik.

"Kita menjangkakan cadangan yang akan dikemukakan nanti lebih berani, terkehadapan dan berpijak

di bumi nyata," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda bertitah, suruhanjaya berkenaan perlu meneliti empat bidang kritikal iaitu perniagaan, mengembangkan persekitaran strategik dengan memahami perubahan dan tuntutan yang diharapkan terhadap tadbir urus global.

"Kedua, pembaharuan struktur dan prosedur terhadap prinsipal institusi-institusi pelbagai hala dalam tadbir urus global seperti transformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah lama diperdebatkan," titah Raja Nazrin.

Antaranya titah baginda, suruhanjaya berkenaan boleh mengenal pasti opsyen yang ada untuk memperluaskan keanggotaan tetap dan sebaliknya dalam Majlis Keselamatan.

Bidang ketiga pula, titah Raja Nazrin, adalah hubungan efektif pertubuhan bukan kerajaan dalam proses tadbir urus di semua peringkat yang mampu mengangkatnya ke tahap baru.

"Bidang keempat yang perlu dilihat adalah sokongan kuat untuk mewujudkan keselamatan global dan kawasan bebas tentera," titah baginda.